


ULASAN BUKU BARU

Wawasan Dan Kepemimpinan: Nilai Dan Strategi Ke Arah Wawasan 2020



Wawasan dan Kepemimpinan: Nilai dan Strategi ke Arah Wawasan 2020 menyingkap konsep, teknik, gaya dan strategi yang perlu diamalkan demi mencapai Wawasan 2020. Buku ini merangsang pemikiran strategik dan kreatif di kalangan pengurus dan eksekutif syarikat tentang perkara yang perlu dilakukan agar organisasi di Malaysia dapat bersaing dalam era 1990-an dan seterusnya. Hanya dengan memberikan tumpuan kepada kecemerlangan kualiti, kreativiti dan produktiviti yang lebih tinggi, barulah kita dapat bersaing dengan lebih baik dan memperoleh keuntungan yang lebih besar untuk syarikat dan juga negara.

Penulis : Michael Yeoh (2003)


Penerbit : ITNMB Kuala Lumpur



Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia: Strategi Dalam Pembangunan Negara

Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia : Strategi Dalam Pembangunan Negara

Dr. Mahathir Mohamad disifatkan sebagai arkitek dan ahli strategi pertumbuhan luar biasa Malaysia sejak sedekad yang lalu. Namun demikian, krisis kewangan yang mula melanda pada pertengahan tahun 1997 itu telah menyebabkan momentum ini dan seterusnya menimbulkan tanda tanya tentang perkembangan masa depan negara ini. Walau bagaimanapun, peristiwa ini tidak banyak menjelaskan kemampuan negara Malaysia yang berbilang kaum untuk kembali pulih daripada masalah ekonomi semasanya. Buku ini meninjau unsur daya ketahanan dan menyarankan mengapa masyarakat majmuk mempunyai peluang yang lebih baik untuk berjaya di Malaysia berbanding dengan beberapa negara dunia yang lain. Esei dalam buku ini mengupas isu tentang perubahan dan kemodenan Malaysia pasca-1970, dengan menumpukan perhatian secara khusus kepada dasar dan program yang berkaitan dengan Dr. Mahathir, Perdana Menteri Malaysia sejak 1981. Buku ini juga mengandungi ulasan tentang pandangan Dr. Mahathir berhubung dengan bangsa, agama, bahasa, politik, ekonomi dan masa depan politik orang Melayu. Tumpuan keseluruhannya adalah terhadap isu strategik yang berlandaskan lunas asas yang luas dan menguasai rumusan dasar awam berbanding dengan pelaksanaannya.



Penulis : Hng Hung Yong (2003)

Penerbit : Pelanduk Publications Kuala Lumpur

